

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bahagian ini menerangkan keseluruhan gambaran mengenai penilaian modul pengajaran mashaf al-Quran Braille Malaysia. Perbincangan secara terperinci berkenaan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah, kerangka teoritikal kajian dan kerangka konseptual kajian. Huraianannya adalah seperti di bawah:

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Quran ialah *kalamullah*, mukjizat Nabi Muhammad SAW dan petunjuk bagi seluruh umat Islam. Konsep asas membaca, memahami serta mempraktikkan kandungan al-Quran dituntut kepada setiap Muslim. Ini kerana kandungannya mengandungi pelbagai pengetahuan dan rahsia, yang hanya didedahkan kepada mereka yang mencari, berfikir serta menghayati ayat dan maksud al-Quran. Al-Quran menjadi sumber pengetahuan dan panduan hidup yang membawa manfaat di dunia dan akhirat sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah At-Takwir: 81:27;

إِنَّ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ٢٧

Maksudnya: “Al-Quran itu tidak lain hanya peringatan bagi seluruh penduduk alam.”

Allah SWT turut berfirman dalam Surah Al-A'raf: 7:204;

وَإِذَا فُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ٢٠٤

Maksudnya: “Dan apabila dibacakan Al-Quran, maka dengarlah dengan baik-baik, dan perhatikan dengan tenang agar kamu mendapat rahmat Allah.”

Oleh itu, isu-isu yang perlu diketengahkan adalah memberi pendidikan awal mengenai al-Quran dan Sunnah kepada semua umat Islam. Kedua-duanya sumber itu adalah prinsip utama umat Islam dan ia menjadi panduan serta rujukan utama sehingga hari ini. Maka, tuntutan mempelajari al-Quran adalah fardu ain dan ia bukanlah hanya tuntutan kepada muslim tipikal sahaja, malah golongan muslim OKU juga dituntut dalam mempelajari al-Quran (Norakyairee, 2019; Nur Atiqah & Noornajihan, 2018). Firman Allah SWT dalam surah Al- Muzzammil 73:4;

وَرَتِّلِ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلاً

Maksudnya: Dan bacalah Al-Quran dengan tartil (perlahan-lahan)

Dalam konteks tilawah al-Quran, seseorang individu perlu menguasai beberapa kemahiran tertentu dalam membaca al-Quran dengan sempurna. Sebagai contoh menguasai kemahiran asas seperti kemahiran mengenali huruf-huruf *hija'iyah* serta dapat membunyikan huruf-hurufnya dengan tanda baris yang terdapat padanya. Seseorang itu juga dituntut untuk mempelajari hukum tajwid dan mengetahui penggunaan tanda-tanda khas yang terdapat di dalam al-Quran (Mohd Nur Adzam et al., 2016; Kauthar et al., 2019).

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mempunyai masalah

pembelajaran, penglihatan dan pendengaran diberi peluang mendapat pendidikan agama terutamanya dalam pengajian al-Quran melalui Program Pendidikan Khas (Norakyairee et al., 2013). Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan (MBPK MaL), dengan adanya al-Quran Braille telah memberi sinar baharu kepada mereka mempelajari dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian. Penghasilan Iqra' dan al-Quran dalam bentuk penulisan Braille telah membantu guru-guru dan MBPK MaL sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah (Mohd Nur Adzam, 2017).

Dalam memenuhi keperluan ini, guru diberi pendedahan dengan pelbagai latihan dan modul dalam membantu usaha mempertingkatkan mutu dan kualiti PdP mereka. Terdapat pelbagai modul yang dihasilkan mengandungi strategi, metode dan teknik tertentu dalam mengaplikasikan pelbagai kemahiran kepada mereka yang ingin mempelajari al-Quran (Mohd Nur Adzam, 2017). Untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan, peningkatan pengetahuan dan pengalaman adalah penting, terutamanya dalam konteks PdP MBPK dalam program Pendidikan Khas Negara (Norakyairee, 2019). Oleh demikian, bahan bantu mengajar (BBM) sangat penting bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar MBPK MaL dalam pembelajaran al-Quran Braille.

Walaupun terdapat pelbagai bahan bantu bacaan yang berkaitan dengan pembelajaran al-Quran di pasaran hari ini, namun tidak semua bahan itu sesuai untuk penggunaan MBPK MaL kerana ia bukan berbentuk interaktif (Nurutthoilah et al., 2018). Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas (GPI PK) juga mempunyai BBM yang terhad untuk digunakan dalam pengajaran al-Quran Braille. Tambahan pula tidak banyak sumber pendidikan al-Quran dalam bentuk penulisan Braille untuk

dijadikan bahan rujukan (Norakyairee et al., 2013).

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan oleh Norhasnira et al. (2012), didapati bahawa terdapat permintaan tinggi terhadap penghasilan modul berkaitan pengajaran al-Quran Braille terutamanya daripada pihak Bahagian Pendidikan Khas dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan dengan itu, sebuah modul pengajaran yang bertajuk “Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MPQBM)” telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik dengan kerjasama Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) sebagai sebuah bahan pengajaran kepada guru al-Quran Braille (Rahmah Hayati et al., 2023).

Modul ini telah dibangunkan rentetan daripada penerbitan Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM) pada tahun 2022 oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan PERTIS (Anisah et al., 2022). Terbitan baharu ini berlaku disebabkan oleh perubahan dalam mengemaskini penulisan al-Quran Braille yang sedia ada, yang disesuaikan dengan Mashaf Madinah, salah satu mashaf *Rasm Uthmani*. Modul tersebut berpandukan kepada standard (garis panduan) yang dikeluarkan oleh KDN dalam mengemaskini al-Quran Braille dari segi *dhabi* dan kaedah penulisannya (KDN, 2021). Ia juga digunakan sebagai BBM di sekolah-sekolah MBPK MaL. Namun begitu, sesuatu modul perlu dinilai kualiti dan kebolehgunaannya untuk memastikan tahap modul adalah berkualiti dan sesuai digunakan oleh semua golongan sasaran khususnya bagi golongan Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKU MP).

Konsep kualiti adalah sangat subjektif. Kualiti bermaksud suatu produk atau perkhidmatan mengandungi lima elemen utama iaitu; (1) mempunyai tahap

kecemerlangan tertentu, (2) keseluruhan menunjukkan ciri-ciri yang memenuhi keperluan, (3) kesesuaian pengguna, (4) mencapai suatu objektif dan (5) menyenangkan pengguna (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan menilai kualiti MPQBM dari aspek kualiti kandungan, potensi keberkesanan serta menganalisis penerimaan guru al-Quran Braille di Malaysia terhadap MPQBM.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian yang dijalankan ini menyentuh mengenai masalah yang timbul berkenaan modul pengajaran khususnya kepada guru al-Quran Braille dalam mengajar OKU MP. Terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti menjadi punca kesukaran guru dalam sesi PdP.

Merujuk kepada kajian yang dijalankan terhadap OKU MP, terdapat sesetengah modul kurang mesra pengguna terhadap OKU MP (Nurutthoilah et al., 2018). Terdapat banyak modul cetakan bertulis khususnya berkaitan pengajaran al-Quran di pasaran, namun kurang modul cetakan Braille bagi penggunaan OKU MP (Nurutthoilah et al., 2020). Ini menyebabkan masalah dihadapi guru dalam pembelajaran al-Quran kepada OKU MP. Mereka tidak mendapat pelajaran khusus berkenaan asas dan praktikal penggunaan kod-kod *hija'iyah* Braille (Norakyairee, 2019). Oleh demikian, pengajaran hanya akan memfokuskan pada penggunaan al-Quran Braille dan Mesin Perkins Brailleur sahaja (Norakyairee, 2013 & 2019). Ia akan menjadikan penyampaian pengajaran menjadi sangat terhad dan situasi ini menyebabkan pelajar kurang berminat dan tidak fokus sewaktu proses PdP dijalankan (Faizah, 2017; Nur Atiqah & Noornajihan, 2018).

Dalam masa yang sama, kajian penyelidikan berkenaan BBM bagi golongan OKU MP jarang dilakukan (Nurutthoilah, 2020; Siti Patonah et al., 2012). Ini berpunca daripada inisiatif pengkaji yang cenderung melakukan kajian modul mata pelajaran lain. Sebagai contoh, kajian Pembinaan & Pengujian Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Tanpa Komunikasi Lisan (Ahmad Yazid, 2018), Meningkatkan Pencapaian Bahasa Inggeris Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dengan Menggunakan Kaedah Video Muzik (Jamilah, 2022), Analisis Keperluan pembangunan aplikasi “E-Ibadah” dalam Pengajaran Pendidikan Islam Murid Ketidakupayaan Pendengaran (Nor Shahida et al., 2023) dan *Development and Usability Evaluation on Individualized Reading Enhancing Application for Dyslexia (IREAD): A Mobile Assistive Application* (Burac & Cruz, 2020). Bahkan, sebelum modul digunakan, prosedur pembinaan biasanya tidak melaporkan tahap kualitinya; sebaliknya, mereka dilihat lebih mengutamakan kesahan kandungan sebagai satu-satunya ukuran untuk membuktikan kesesuaian pentadbiran modul terhadap topik penyelidikan. Akhirnya, tanpa mengira tahap kualiti modul, hasil kajiannya kurang meyakinkan atau mendakwa sangat berkesan (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Sehubungan itu, perkara ini menjadi titik tolak bagi pengkaji untuk melakukan kajian ini bagi memenuhi keperluan kajian OKU MP.

Selain kurangnya kajian berkaitan BBM al-Quran, pengkaji juga mendapati bahawa kurang juga penilaian yang dilakukan daripada sudut pengguna. Hal ini kerana modul penulisan Braille ini adalah suatu modul khas berbeza dengan modul-modul dibangunkan untuk golongan tipikal. Jadi aspek latar belakang pengguna sangat penting dan perlu ditekankan dari aspek ilmiah. Sebagai contoh, sebuah buku terbitan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bertajuk *Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran*. Kod Wasilah ialah satu sistem penulisan yang menggunakan penulisan 'Braille al-Quran Grade 2' iaitu dengan meringkaskan kalimah-kalimah al-Quran. Namun begitu, terdapat beberapa halangan yang menyebabkan buku ini masih belum dipraktikkan penggunaannya dan golongan OKU MP lebih biasa menguasai al-Quran Braille terbitan PERTIS Grade 1 (Norakyairee, 2019). Oleh itu, penilaian melalui aspek latar belakang pengguna OKU MP perlu ditekankan dan perlu mendapatkan maklum balas daripada mereka. Modul yang berkesan perlu memenuhi piawaian ciri-ciri modul OKU MP (Norakyairee, 2019; Nur Atiqah & Noornajihan, 2018; Siti Nor Azimah & Tengku Intan, 2016).

Dalam kajian ini, modul pengajaran yang dinilai adalah MPQBM. Modul ini telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik dengan kerjasama PERTIS sebagai bahan pengajaran bagi memudahkan sesi PdP al-Quran Braille dijalankan (Rahmah Hayati et al., 2023). Namun begitu, kajian terhadap penilaian kualiti modul tersebut belum pernah lagi dijalankan. Penilaian adalah penting bagi menentukan tahap modul memenuhi piawaian dan berkualiti (Alif Nawi et al., 2015). Penilaian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada produk atau program yang dibangunkan memenuhi dan mencapai target yang diperlukan (Azeem Uddin & Abhineet Anand, 2019).

Oleh demikian, pengkaji berhasrat untuk menjalankan penilaian MPQBM bagi mengetahui kualiti modul tersebut kepada guru al-Quran Braille di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada latar belakang pembangunan MPQBM, penilaian kualiti MPQBM serta menganalisis penerimaan MPQBM dalam kalangan guru al-Quran Braille. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat memenuhi keperluan semasa untuk

memperkasakan institusi pendidikan, terutamanya dalam bidang pendidikan Islam untuk golongan OKU MP.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah latar belakang pembangunan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia?
2. Bagaimanakah kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia?
3. Bagaimanakah penerimaan guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama seperti berikut:

1. Mengkaji latar belakang pembangunan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.
2. Menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.
3. Menganalisis penerimaan guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian diharapkan mampu menyumbang ke arah:

1. Menghasilkan modul yang baik dan bersesuaian dengan keperluan OKU MP. Dapatan kajian akan mambantu pengubal modul untuk menambah baik modul MPQBM.
2. Memberi manfaat kepada guru dengan menyediakan modul yang berkualiti, kefahaman yang jelas, kandungannya sesuai mengikut tahap pemikiran pelajar serta dapat memenuhi matlamat pembelajaran al-Quran Braille. Malah, turut membantu guru dalam memberi idea dan menambah baik proses pembelajaran mereka. Metode pengajaran dalam kalangan guru juga dapat diselaraskan. Kesannya, proses pdp al-Quran Braille dalam kalangan OKU MP dapat dijalankan lebih lancar, tersusun dan sistematik.
3. Memberi manfaat kepada OKU MP dalam meningkatkan penguasaan dalam mempelajari al-Quran Braille. Modul yang berkualiti, mesra pengguna OKU MP serta kandungannya mudah difahami menarik minat OKU MP dalam mempelajari al-Quran.
4. Memberi manfaat kepada KPM mengatasi masalah kekurangan bahan rujukan dan alat bantu mengajar (ABM) untuk golongan OKU MP serta dapat membantu dalam meningkatkan kualiti bahan pengajar al-Quran Braille di Malaysia.

## 1.7 Skop Kajian

Maksud skop kajian ialah had kajian yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian dibuat dengan skop yang lebih kecil tetapi bersifat mendalam. Kajian akan memberi fokus terhadap penilaian MPQBM dan ia akan melibatkan dua orang wakil panel pengubal MPQBM dan enam orang guru al-Quran Braille di Malaysia yang berpengalaman dalam PdP al-Quran Braille di sekolah dan pusat pengajian al-Quran Braille. Fokus yang diberikan terhadap kajian adalah berdasarkan aspek latar belakang pembangunan dan penilaian kualiti MPQBM. Akhir sekali, MPQBM ini dipilih kerana ia adalah modul yang belum pernah dijalankan proses penilaian kualiti ke atasnya.

## 1.8 Definisi Operasi

Tajuk kajian ini ialah *Penilaian Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia*. Untuk mengelakkan kekeliruan, pengkaji akan menghuraikan beberapa istilah penting mengikut takrifan yang bersesuaian dengan kajian ini. Antara istilah yang perlu diberi definisi khusus adalah seperti di bawah:

### 1.8.1 Penilaian

Penilaian bermaksud suatu proses pengumpulan maklumat mengenai kualiti sesuatu projek, manakala hasil daripada penilaian tersebut akan mempengaruhi sesuatu keputusan yang dibuat bertujuan sebagai satu proses penambahbaikan (Newby et al., 2006). Marrison et al. (2011) menukilkan kalam Surina Akmal (2015) yang menjelaskan bahawa tujuan penilaian dilakukan adalah bagi memastikan penentuan yang dibuat mengikut matlamat dan objektif yang ditetapkan atau

sebaliknya. Dalam kajian ini, proses penilaian dilakukan dengan melibatkan guru al-Quran Braille dalam menilai kualiti modul MPQBM.

Penilaian dalam kajian ini adalah menilai kualiti modul dalam pengajaran al-Quran Braille dari aspek kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul serta penerimaan MPQBM dalam kalangan guru al-Quran Braille. Ini untuk menentukan sama ada modul tersebut menepati pengguna sasaran atau sebaliknya.

### **1.8.2 Modul**

Menurut Russell (1974), modul ialah unit pakej pembelajaran yang berkaitan dengan satu konsep bahan pembelajaran. Ia merupakan satu usaha untuk pengajaran secara individu dan membolehkan seorang pelajar menguasai sesuatu unit kandungan mata pelajaran sebelum berpindah kepada unit yang lain. Sharifah Alwiah (1981) juga menjelaskan bahawa modul ialah bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain. Modul juga adalah pakej pembelajaran lengkap dan bebas yang merangkumi rangkaian pengalaman pembelajaran yang dirancang secara sistematik untuk mencapai objektif sekaligus membantu pelajar mencapai tujuan pembelajaran mereka (Mulyasa, 2006; Ab. Rahim, 1991).

Oleh itu, dalam konteks kajian ini, modul yang dimaksudkan adalah MPQBM. Berdasarkan pengertian di atas, pengkaji dapat merumuskan MPQBM yang ingin dikaji ini adalah satu unit bahan pengajaran yang disusun secara sistematik dan jelas dengan membahaskan topik berkaitan al-Quran Braille bagi membantu pengguna memahami dan menguasai bidang tersebut.

### 1.8.3 Al-Quran Braille

Al-Quran Braille ialah gabungan perkataan al-Quran dan Braille. Al-Quran ialah *kalam* Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS secara *mutawatir* dalam bahasa Arab dan membacanya dikira ibadah (Norakyairee at al., 2013). Al-Quran merupakan kitab terpenting bagi umat Islam sebagai panduan dan rujukan daripada segala aspek merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Allah SWT menuntut umat Islam membaca, menghafaz, mentadabbur serta mempraktikkan kandungan al-Quran ke dalam aktiviti harian seperti mana firman-nya di dalam surah al-Qiyamah ayat 16 sehingga 19 (Norakyairee & Ab. Halim Tamuri, 2011). Manakala istilah Braille berasal daripada pengasas tulisan kod Braille iaitu Louis Braille. Beliau seorang warga Perancis serta OKU MP. Kod Braille ialah titik timbul yang digunakan untuk menggantikan huruf dan angka sekitar abad ke-19, disebut sel dengan enam titik timbul (Norakyairee, 2019). Oleh itu, al-Quran Braille merujuk kepada satu mushaf yang dibangunkan menggunakan kod Braille Bahasa Arab. Ia terdiri daripada huruf *hija'iyah* (*Dhabṭ*) dan tanda baris (*Rasm*) (Ahmad Yunus, 2016).

### 1.8.4 Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan

Terdapat beberapa istilah yang digunakan terhadap individu atau kumpulan yang mengalami berbagai jenis kecacatan penglihatan termasuklah buta, OKU MP, masalah penglihatan dan sebagainya (Norshidah, 2013). Menurut World Health Organization (WHO), istilah buta merujuk kepada ketidakupayaan melihat disebabkan oleh gangguan pada kornea, kanta, gelemaca, retina dan saraf optik. Victor et al. (2018) menyebut bahawa cacat penglihatan adalah mereka yang kurang atau tidak mempunyai daya penglihatan. Ulama fiqh pula tidak menggunakan istilah

tertentu untuk merujuk kepada komuniti ini. Para ulama menggunakan istilah buta untuk merujuk kepada keadaan di mana seseorang tidak dapat melihat, sama ada sejak lahir atau disebabkan oleh faktor lain (Azman et al., 2015). Dalam konteks pendidikan khas, kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan penglihatan akan belajar menggunakan pengalaman estetik, tekstual dan auditori tanpa memerlukan penglihatan (Victor et al., 2018; Nur Khairul Nisha & Haris, 2017). OKU MP dalam kajian ini merujuk kepada seseorang yang tidak mempunyai kemampuan untuk melihat atau mempunyai penglihatan yang terhad walaupun menggunakan alat bantu penglihatan seperti kaca mata, kanta sentuh dan peranti optik lain.

### **1.9 Kerangka Teoritikal Kajian**


Kajian yang dijalankan perlu berlandaskan kepada sesebuah teori yang akan mendasari kerangka konseptual kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (2000), dengan adanya pemahaman teori, pengkaji dapat membuat suatu penilaian yang berobjektif dan bermatlamat. Pengkaji juga boleh menggunakan teori tersebut sebagai bimbingan dalam menghasilkan penilaian yang lebih teratur dan bermakna bersesuaian dengan bidang pengetahuan. Teori juga tidak bersifat statik kerana teori-teori lama boleh diubah suai untuk membangunkan teori-teori yang baru (Neuman, 2011).

Kerangka teori kajian ini menggunakan teori penilaian kualiti modul (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016) dan model standard penulisan mashaf al-Quran Braille Malaysia (KDN, 2021). Bagi teori penilaian kualiti modul, teori telah diambil daripada kajian artikel Instrumen Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran: Pengujian Ciri Psikometrik oleh Ang Chai Tin & Lee Lay Wah pada tahun 2016.

Terdapat tiga aspek dalam teori tersebut iaitu; (1) kualiti kandungan, (2) potensi keberkesanan dan (3) kepuasan keseluruhan. Merujuk kepada aspek kualiti kandungan mempunyai dua dimensi, iaitu objektif modul dan isi kandungan modul. Manakala untuk menilai kualiti modul pengajaran, aspek potensi keberkesanan mempunyai empat dimensi. Kesemua dimensi tersebut adalah asas behaviorisme yang kukuh, iaitu kebergunaan, fleksibiliti, persembahan dan penilaian.

Seterusnya, model standard penulisan mashaf al-Quran Braille Malaysia (KDN, 2021) telah dibangunkan oleh beberapa orang pakar dalam bidang al-Quran Braille yang terdiri daripada KDN, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), USIM dan PERTIS. Malah, model ini dibangunkan dengan mengambil kira sebahagian hasil penemuan daripada kajian yang dilakukan oleh Muhammad Mustaqim (2013) bertajuk *Pembangunan Braille al-Quran Rasm Uthmani*. Model standard ini dibangunkan bertujuan penyeragaman dan penambahbaikan dalam aspek kaedah penulisan dan penandaan al-Quran Braille terbitan Malaysia yang sedia ada. Terdapat dua elemen dalam model standard penulisan MQBM iaitu *Rasm* dan *Dhabit*. Elemen-elemen ini akan menyelaraskan ejaan dengan kaedah penulisan yang terdapat di dalam mashaf al-Quran (*Rasm Uthmani*).

Bagi menghasilkan kajian penilaian kualiti modul yang bermakna, pengkaji akan mendasari beberapa elemen yang terdapat di dalam teori penilaian modul dan akan menyesuaikan teori tersebut dengan model standard sesuai dengan konteks OKU MP. Kajian akan berpandukan kepada aspek berikut; (1) kualiti kandungan, (2) potensi keberkesanan dan (3) kepuasan keseluruhan. Hal ini kerana elemen yang dipilih haruslah sesuai dengan tujuan kajian serta melihat kepada kelainan peserta kajian yang terlibat. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian :




**Rajah 1.1:** Kerangka Teori Kajian

### 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep ibarat peta dan hala tuju yang bertindak sebagai sumber panduan kepada pengkaji dalam meneliti elemen-elemen yang terlibat dalam kajiannya. Ia mengandungi faktor-faktor penyebab kepada fenomena yang dikaji, pemboleh ubah, teori dan model yang mendasari kajian serta kaitan antara elemen-elemen ini. Dalam kata lain, kerangka konsep kajian bertujuan memberi gambaran keseluruhan tentang hubungan antara beberapa komponen utama yang terlibat dalam keseluruhan kajian (Zetty Nurzuliana, 2016).

Merujuk sorotan literasi, pengkaji juga mengadaptasi beberapa teori berkaitan penilaian Modul dalam PdP. Pertama ialah teori penilaian kualiti modul (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Kedua ialah model Standard penulisan Mashaf al-Quran

Braille Malaysia (KDN, 2021). Gabungan teori dan model di atas diubah suai mengikut keperluan kajian dan teori tersebut digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian terhadap guru al-Quran Braille. Justeru itu, memadai bagi pengkaji menggunakan teori yang dipilih bagi mengkaji penilaian MPQBM dalam pembelajaran al-Quran Braille. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian:



**Rajah 1.2:** Kerangka Konseptual Kajian

### 1.11 Penutup

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional kajian, kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian. Perbincangan ini memberigambaran awal aspek penting pra kajian ini selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat pada kajian ini.